



Disabkan Untuk Penggunaan
Tarikh Kuatkuasa 17/9/13
Pengarah Undang-Undang
MPSP

NEGRI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 37
Bil. 21

14hb Oktober 1993

TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN

Pg. P.U. 24.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

3. Pelan-pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.
4. Kewajipan-kewajipan jurutera.
5. Pelan-pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan.

6. Laporan-laporan, pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.
7. Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.
8. Kerja cerucuk.
9. Jurutera hendaklah mengawas paras bunyi dan mengemukakan laporan mingguan mengenai pengawasan itu.
10. Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH ASAS

11. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.
12. Tanah hendaklah disiasat dan aras mata air hendaklah ditentukan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJA TANAH AM

13. Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu.
14. Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan.
15. Paras minima timbusan.
16. Kerja tanah melebihi 3.5 meter.
17. Menjalankan kerja tanah secara berperingkat-peringkat.
18. Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

BAHAGIAN V

PELBAGAI

19. Pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi lanjut dan sebagainya jika dikehendaki.
20. Papan tanda.
21. Pengangkutan.
22. Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan.
23. Fee untuk memeriksa tapak.

24. Pemeriksaan pelan-pelan.
25. Kesalahan-kesalahan.
26. Pengecualian.
27. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 70A *Akta 132* Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan ini membuat undang-undang kecil berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992** dan terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai.

*Nama,
pemakaian
dan mula
berkuat-
kuasa.*

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran

"Akta" ertiinya Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

Atma 133

"jurutera" ertiinya seorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967;

Atma 138

"jurutera kepada Majlis" ertiinya seseorang jurutera seperti yang di bawah yang diperlukan untuk menjalankan fungsi seorang jurutera seperti yang ditentukan di bawah Undang-Undang Kecil ini—

(a) jurutera yang diambil sebagai kakitangan tetap kepada Majlis;

(b) jurutera dari sebarang agensi Kerajaan yang dilantik oleh Majlis; atau

(c) jurutera yang diupah dengan fee oleh Majlis;

Akta 133

"kenderaan" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987;

"kerja tanah" termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbul dengan apa-apa bahan, menanam cerucuk, membina asas atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah;

"kerja tanah asas tapak" termasuklah pembinaan asas tapak, tingkat bawah tanah, binagalas, tambahan cerucuk bumi, batu sendi dan peparit;

"kerja tanah kecil" erti mana-mana kerja tanah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;

"Majlis" erti Majlis Perbandaran Seberang Perai;

Akta 171

"Yang Dipertua" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

BAHAGIAN II PENGEMUKAAN PELAN-PELAN

Pelan-pelan kerja tanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.

3. (1) Pelan-pelan berhubung dengan kerja tanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan dalam Borang A Jadual Ketiga dan menyertai fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pelan-pelan itu hendaklah dikemukakan setelah ditandatangani oleh seorang jurutera yang mempunyai kelulusan dalam kejuruteraan awam dan hendaklah—

- (a) mengandungi suatu perakuan yang dibuat olehnya menyatakan bahawa spesifikasi-spesifikasi dan butir-butir yang terkandung di dalamnya itu adalah betul; dan
- (b) ditandatangantimal oleh pemunya tanah yang berkenaan atau agennya yang diberikuasa olehnya secara bertulis dan hendaklah menggunakan alamat penuh pemunya itu atau agen itu mengikut mana yang berkenaan.

(3) Pelan-pelan dan spesifikasi-spesifikasi yang diluluskan oleh Majlis boleh dikemukakan semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian kehendak-kehendak di bawah perenggan (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis*.

(4) Melainkan jika kerja tanah dimulakan dalam tempoh dua belas bulan selepas diluluskan semua pelan dan spesifikasi berkenaan dengannya yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 6, tiap-tiap kelulusan bagi pelan dan spesifikasi itu hendaklah luput apabila tamat tempoh tersebut, tetapi

Majlis atas permohonan yang dibuat kepadanya sebelum tamat tempoh tersebut, boleh melanjutkan tempoh itu seperti yang difikirkan patut olehnya tertakluk kepada pembayaran fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

4. (1) Jurutera yang memperakui pelan-pelan di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah bertanggungjawab atas perlaksanaan yang sempurna bagi kerja tanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerja tanah itu melainkan jika— Pewappon
Keupahan
bermula

- (a) dengan persetujuan Majlis, seorang Jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; atau
- (b) Majlis bersetuju Jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Majlis bersetuju menerima penarikan diri seseorang Jurutera di bawah perenggan (1) (b), kerja tanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang Jurutera lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah menjalankan penyeliaan-penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk mempastikan kerja tanah itu dijalankan mengikut pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi, arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis dan pada amnya mengikut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah memberitahu tarikh yang dicadangkan untuk perlaksanaan kerja tanah itu kepada Majlis satu minggu sebelum memulakan perlaksanaan.

(5) Jurutera yang memperakui pelan-pelan itu hendaklah dalam masa satu minggu selepas selesai kerja tanah itu memberitahu kepada Majlis secara bertulis bahawa kerja tanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh ditafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peruntukan-peruntukan seksyen 71 Akta.

(7) Bagi maksud undang-undang kecil ini istilah “jurutera yang memperakui pelan-pelan itu” hendaklah termasuk Jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

5. (1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan atau seberapa banyak salinan seperti mana yang dikhendaki oleh Majlis. Pelan-pelan
hendaklah
dikemukakan dalam
tiga salinan.

Laporan
laporan
pelan-pelan
dan butir-
butir hendak
lah dikemuka-
kan

(2) Satu set pelan-pelan hendaklah terdiri dari bahan linen atau jenis lain yang tahan lasak dan bersama-sama satu set lain akan disimpan oleh Majlis dan set yang ketiga akan dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan tersebut setelah diluluskan.

(3) Jika pelan-pelan tidak diluluskan, satu set pelan-pelan tersebut hendaklah dikembalikan kepada orang yang mengemukakan pelan-pelan tersebut.

6. (1) Melainkan jika dikecualikan oleh Majlis, laporan-laporan, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan:

- (a) laporan penilaian permulaan tapak bersama dengan detail-detail mengenai langkah untuk mengawal hakisan dan pemendakan;
- (b) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 bagi 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerja tanah, jalan masuk, alur utama, alur air semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya, menunjukkan skala yang digunakan dan tanda arah Utara;
- (c) pelan-pelan pada kontor 1.5 meter menunjukkan tanah di mana kerja tanah itu akan dijalankan dan tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 500;
- (d) pelan-pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 500 menunjukkan—
 - (i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;
 - (ii) aras siap jalan;
 - (iii) aras perut parit dan lintasan;
 - (iv) tempat alir keluar saliran;
 - (v) tutupan atau lengongan bagi mana-mana alur utama dan alur air semulajadi atau pemberian-pemberian padanya;
 - (vi) apa-apa pengorekan, pemotongan atau penimbusan yang melebihi 2.5 meter dalam atau tingginya;
 - (vii) penyediaan resab 3.0 meter dengan tanah sempadan perlu disediakan bagi pengorekan tanah bukit;

- (viii) perlindungan bagi kerja tanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerja tanah itu berterusan;
- (ix) cadangan bagi pengawalan habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah; dan
- (x) peruntukan penahanan cnap, termasuk peruntukan semasa kerja tanah itu berterusan;
- (c) pelan-pelan muka keratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1 bagi 100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1 bagi 500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerja tanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;
- (f) cara pengorekan, perataan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknik bumi yang lain yang akan dijalankan;
- (g) jadual bagi kerja tanah dan susunan dalam mana kerja tanah itu akan dijalankan secara berperingkat-peringkat;
- (h)
 - (i) amaun tanah yang hendak dikorek dan tempat di mana tanah diletakkan dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
 - (ii) amaun tanah yang hendak ditimbus dan kedudukan dari mana tanah untuk penimbusan itu akan didapati dan disertakan dengan kelulusan yang diberi oleh pihak berkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (i) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
- (j) pelan-pelan yang detail mengikut skala tidak kurang daripada 1 bagi 50 dan spesifikasi bagi cerucuk sasak kepung atau lain-lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini; dan

(2) Jika relevan, kiraan-kiraan dan segala aras bumi dan kontur yang tersebut dalam undang-undang kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada paras datum ordinan.

7. Pelan-pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 6 boleh, dengan kebenaran Majlis, dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang

Pelan-pelan boleh
dikemukakan
secara berasingan.

demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah juga menyertai tiap-tiap satu set pelan-pelan dan spesifikasi-spesifikasi yang kemudiannya;

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa kerja tanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan spesifikasi yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini telah diluluskan.

Kerja cerucuk.

8. Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan-pelan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil 6 hendaklah juga mengandungi—

- (a) pelan-pelan mengikut skala yang tidak kurang dari pada 1 bagi 50 dan spesifikasi bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu; dan
- (b) suatu perakuan dibuat oleh jurutera memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan membangkitkan kemarahan atau kacauanggu kepada penduduk-penduduk di kawasan sekeliling itu.

Jurutera hendaklah mengawas paras bunyi dan memperakui dan mengemukakan laporan menggunakan mengecari pengawasannya itu.

9. Jika diarah oleh Majlis, jurutera hendaklah mengawas paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk dan laporan mingguan mengenai pengawasannya hendaklah diperakui olehnya dan dikemukakan kepada Majlis.

Tata amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

10. (1) Di mana juga berkenaan, pelan-pelan spesifikasi-spesifikasi dan kiraan-kiraan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi tata amalan yang berikut seperti yang dipinda dari masa ke semasa—

- (a) penyiasatan tapak—British Standards Code of Practice 2001;
- (b) kerja tanah—British Standards Code of Practice 2003;
- (c) asas tapak—British Standards Code of Practice 2004;
- (d) Civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures yang dikeluarkan oleh Institute of Structural Engineers, United Kingdom; dan
- (e) asas tapak dan bina galas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang terdiri daripada tidak lebih daripada 4 tingkat—British Standards Code of Practice 101.

(2) Jika ada dikeluarkan suatu Tata Amalan Piawaian Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasa Undang-

Undang Kecil ini maka ia hendaklah menggantikan British Standards Code of Practice mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi:

Dengan syarat bahawa ia tidak menyentuh pelan-pelan dan spesifikasi yang telah diluluskan di bawah British Standards Code of Practice atau kerja tanah yang telah dijalankan di bawahnya.

BAHAGIAN III
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS
BERHUBUNG DENGAN KERJA
TANAH ASAS TAPAK

11. (1) Sisi-sisi bagi segala kerja tanah asas tapak hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli atau dengan lain-lain cara perlindungan jika Majlis berpuashati dari spesifikasi-spesifikasi, rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepada Majlis bahawa cara perlindungan alternatif itu adalah sama berkesannya atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta-harta yang bersambungan.

Kehendak
mempenuhi
cerucuk sasak
keping keluli

(2) Kehendak-kehendak di bawah perenggan (1) boleh dilonggarkan, diubah atau dikecualikan oleh Majlis jika Majlis berpuas hati dari spesifikasi rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepada Majlis bahawa suatu cara perlindungan lain adalah sekurang-kurangnya sama berkesan atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta yang bersambungan atau bahawa lain-lain cara perlindungan itu adalah tidak perlu, mengikut mana yang berkenaan.

12. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mata air dalam mana-mana kerja tanah asas tapak hendaklah ditentukan dan Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan di bawah Undang-Undang Kecil 3 hendaklah mengemukakan laporan-laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mata air tidak akan menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain di sekelilingnya.

Tanah hendaklah
disiasat dan aras
mata air hendak
lah ditentukan

BAHAGIAN IV
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG
DENGAN KERJA TANAH AM

13. Jika kerja pecah batu hendak dijalankan di atas tapak kerja tanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh Jurutera kepada Majlis untuk mendapatkan kelulusan.

Permohonan
berasingan untuk
kerja pecah batu.

Pokok-pokok
tidak boleh
ditebang sehingga
tanah sedia
untuk diusahakan.

Paras minimum
timbusan.

Kerja tanah
melebihi 3.5 meter

Menjalankan kerja
tanah secara
berperingkat-
peringkat.

Syarat-syarat
boleh dikenakan
pada bila-bila
masa sebelum
kerja boleh
diteruskan ke
peringkat yang
berikutnya.

14. Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerja tanah, pokok-pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerja tanah itu telah sedia untuk diusahakan.

15. Kerja tanah yang dijalankan hendaklah ditimbus ke paras minima 2.1 meter dengan merujuk kepada paras datum ordinan.

16. (1) Segala kerja tanah yang melebihi 3.5 meter tingginya atau dalamnya hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

(2) Bagi kerja tanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Majlis maka hendaklah diadakan struktur-struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa kerja tanah itu berterusan melainkan jika dikecualikan oleh Majlis.

17. Kerja tanah yang hendak dijalankan hendaklah diperangkatkan mengikut susunan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil 6 (1) (g) dan tiada apa-apa kerja tanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis di bawah Undang-Undang Kecil 18 telah dipatuhi dan jurutera yang mengesahkan pélan-pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerja tanah itu tidak mungkin menyebabkan kacauanggu atau kerosakan kepada harta-harta di sekelilingnya.

18. Majlis boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerja tanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya menghendaki—

- (a) disalir dan dilencangkan alur utama dan alur air semulajadi termasuk mengadakan permataang dan pembetung yang cukup;
- (b) bahawa penahan-penahan enap dan lain-lain kemudahan pengawalan pemendakan diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;
- (c) bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;
- (d) bahawa cerun-cerun dilindungi dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
- (e) bahawa segala langkah-langkah yang berkesan diambil untuk mengawal habuk-habuk yang mungkin timbul disebabkan oleh kerja tanah;
- (f) bahawa asas tapak jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alur air yang sedia ada; dan
- (g) bahawa timbusan-timbusan dipadatkan.

BAHAGIAN V
PELBAGAI

19. Majlis boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan butir-butir lanjut dikemukakan atau memberi arahan-arahan atau membuat pindaan-pindaan lanjut kepada pelan-pelan itu atau mengenakan syarat-syarat lanjut yang difikirkan patut olehnya dan arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat itu hendaklah dipatuhi.

20. Satu papan tanda hendaklah didirikan di atas tapak kerja tanah itu dan hendaklah mengandungi—
Papan tanda

- (a) nama dan alamat tuan tanah dan kontraktor; dan
- (b) nombor lot, nombor rujukan dan tarikh kelulusan pelan kerja tanah daripada Majlis.

21. Semua bahan-bahan yang hendak diangkut kepada dan/atau dari tapak kerja tanah hendaklah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis.
Pengangkutan

22. Tiap-tiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan kepada dan/atau dari tapak kerja tanah hendaklah mendapatkan permit dari Majlis dan hendaklah —
Kenderaan untuk Kegunaan mengangkut bahan-bahan

- (a) memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan-bahan boleh jatuh;
- (b) memastikan bahawa bahan-bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi-sisi kenderaan itu;
- (c) menutup bahan-bahan dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau lain-lain jenis kain yang sesuai;
- (d) mempastikan bahawa roda-roda dan tayar-tayar kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan dibenarkan masuk ke mana-mana jalan atau tempat awam; dan
- (e) menggunakan jalan-jalan yang ditetapkan oleh Majlis dan mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Majlis.

23. Orang yang mengemukakan pelan-pelan untuk pertimbangan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah membayar fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi tiap-tiap lawatan yang dibuat oleh Majlis atau wakilnya ke tapak itu untuk membuat pemeriksaan.
Fee untuk memeriksa tapak

*Pemeriksaan
pelan-pelan.*

24. (1) Sesuatu pelan yang diluluskan boleh diperiksa di pejabat Majlis dengan membayar fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Dengan kelulusan orang yang mengemukakan pelan-pelan dan dengan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, pelan-pelan itu boleh disalin dan pelan-pelan itu boleh diperakui sebagai salinan yang benar dengan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual itu.

*Kesalahan-
kesalahan.*

25. Seseorang jua yang—

- (a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi, kiraan-kiraan atau butir-butir yang palsu dalam apa-apa butir matan atau memberi perakuan yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua secara palsu;
- (b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberi atau dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (c) tanpa sebab yang munasabah tidak memberi notis yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil 4 (4) dan 4 (5); atau
- (d) melanggar apa-apa peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan denda tambahan tidak lebih daripada satu ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan ini diteruskan selepas disabitkan.

Pengecualian.

26. Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi—

- (a) kerja tanah yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan lombong;
- (b) kerja tanah yang dijalankan bagi maksud-maksud perlanian;
- (c) kerja tanah kecil seperti yang ditentukan dalam Jadual Kedua; atau
- (d) kerja tanah yang dimulakan atau dijalankan oleh atau bagi pihak Kerajaan Malaysia atau sesuatu Kerajaan Negeri.

*Pemansuhan.
Pg. P.U. 5/78*

27. Undang-Undang Kecil (Kerjatanah) Seberang Perai 1977 adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

Fee yang kena dibayar oleh orang yang mengemukakan pelan pelan untuk dipertimbangkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah seperti berikut:

(i)	jika kerja tanah asas tidak melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali dan melibatkan hingga 500 meter padu tanah.	\$65.00
	Bagi tiap-tiap 100 meter padu tambahan tanah yang terlibat atau sebahagian daripadanya.	\$12.50
(ii)	jika kerja tanah asas melebihi 6 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali.	1 1/2 kali fee yang ditetapkan dalam (i) di atas.
(iii)	jika kerja tanah asas melebihi 12 meter di bawah aras tanah yang tinggi sekali.	2 kali fee yang ditetapkan dalam (i) di atas.
(iv)	kerja tanah am	\$250.00 sehektar atau sebahagian daripadanya.
(v)	melanjutkan tempoh sah...	20% fee asal.
(vi)	selain daripada fee yang ditetapkan di atas, wang sebanyak \$30.00 hendaklah dibayar bagi tiap-tiap satu kali Jurutera Majlis atau wakilnya melawat tapak itu untuk pemeriksaan.	\$30.00 satu lawatan
(vii)	Pemeriksaan pelan yang telah diluluskan.	\$6.00
(viii)	menyalin satu set pelan-pelan dengan kelulusan orang yang mengemukakannya.	\$24.00
(ix)	memperakui salinan yang benar satu set pelan-pelan.	\$24.00

JADUAL KEDUA

(UNDANG-UNDANG KECIL 2)

KERJA TANAH KECIL

1. Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
2. Mengorek untuk menanam atau membantun pokok-pokok atau tiang-tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
3. Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip sedalam tidak melebihi tiga meter.

4. Mengorek untuk lubang asas tapak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter ke dalam.
5. Mengorek untuk asas tapak yang tidak melebihi tiga meter ke dalam jikalau pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan di situ tidak ada bangunan di harta bersebelahan.
6. Mengorek dalam tapak tidak melebihi tiga meter ke dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.
7. Untuk butiran-butiran 4, 5 dan 6, pengecualian akan diberi hanya jika Jurutera mengemukakan suatu perakuan dalam Borang C Jadual Ketiga.

**JADUAL KETIGA
BORANG-BORANG
AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS
PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992**

BORANG A

**MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN UNTUK KERJATANAH
(UNDANG-UNDANG KECIL 3 (1))**

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Seberang Perai,
Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan berikut:

.....
.....
.....
bagi pihak (Nama pemunya/pemaju)

Lukisan No.
kiraan-kiraan dan spesifikasi-spesifikasi adalah dikemukakan bersama-sama ini dalam tiga salinan.

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk-rekabentuk, spesifikasi-spesifikasi dan perjalanan kerja tersebut.

Tandatangan.....
 Nama.....
 Profesional.....
 Alamat.....
 No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

Tarikh.....

Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Seberang Perai,
 Saya/Kami, pemunya/pemaju projek yang tersebut di atas
 dengan ini mengesahkan bahawa jurutera

Nama.....
 No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-jurutera

Alamat.....
 telah dilantik untuk mengemukakan pelan pelan bagi pihak
 saya/kami.

Saya/Kami dengan ini berjanji seperti berikut:

1. Nama dan alamat jurutera yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja akan dikemukakan kepada tuan sebelum permulaan kerja tersebut.
2. Saya/Kami akan mematuhi dengan sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992.
3. Pegawai-pegawai Majlis berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja, sektor bahan-bahan dan tapak di mana kerja itu dijalankan.
4. Saya/Kami akan bersesama dan berasingan bertanggungjawab dengan jurutera bagi apa-apa kerosakan harta-harta dan lain-lain akibat daripada pembinaan kerja tersebut.

Tandatangan.....

Nama.....

Alamat.....

Tarikh.....

AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS
PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992

BORANG B

NOTIS MEMULAKAN KERJA TANAH
UNDANG-UNDANG KECIL 4 (4)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Seberang Perai,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh tujuh hari
dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan
kerja tanah iaitu:

.....
atas Lot/Lot-Lot.....
Seksyen/Mukim.....
Jalan.....
bagi.....
menurut pelan yang diluluskan No.....
Bertarikh.....

.....
Jurutera yang mengemukakan

Nama.....
Profesion.....
Alamat.....
No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera.....

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJA TANAH (MAJLIS
PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1992

BORANG C

PERAKUAN KERJA TANAH KECIL
(Butiran 4, 5 atau 6 Jadual Kedua)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Seberang Perai,

Saya memperakui bahawa kerja penggalian yang akan
dijalankan atas lot/lot-lot.....
Seksyen/Mukim.....

Jalan.....
bagi.....

ialah kerja tanah yang bersifat kecil menurut Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992.

2. Saya difahamkan bahawa pengecualian dari kehendak kehendak Undang-Undang Kecil Tanah (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992 tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk kerosakan yang disababkan oleh kerja tanah tersebut.
3. Saya bersetuju juga menggantirugi dan terus menggantirugi Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk apa-apa tuntutan, kerrosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerja tanah tersebut.

Bertarikh.....

Jurutera

Nama.....
Profesi.....
Alamat.....
No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera.....
.....

Diperbuat pada 29 Oktober 1992.
[MPSP/99/1-4/30.]

ZAKARIA BIN BAKAR,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Disahkan pada 4hb Ogos 1993.
[PSUK/004.5.1.27.]

NG WEE KOK,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

EARTHWORKS (MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY)
BY-LAWS 1992

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-law

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.

PART II

SUBMISSION OF PLANS

3. Plans of earthworks to be submitted and certified.
